

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam membantu mengurangkan jurang pendapatan di antara kawasan luar bandar dan bandar, apakah pelan-pelan tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak NCER (Northern Corridor) untuk membantu dalam mengurangkan jurang pendapatan ini khususnya di Kawasan Sungai Siput. Apakah program-program yang akan dilaksanakan untuk membantu meningkatkan pengaliran masuk pengusaha-pengusaha untuk melabur di kawasan Sungai Siput.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Kerajaan sentiasa berusaha memastikan pembangunan sosioekonomi dinikmati oleh semua lapisan masyarakat merentasi wilayah, negeri dan daerah. Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan bagi mengurangkan jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar di samping pelbagai inisiatif bagi menarik lebih banyak pelaburan ke negeri Perak, termasuklah di kawasan Sungai Siput.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, pendapatan penengah bulanan isi rumah bagi negeri Perak telah meningkat daripada RM4,006 pada tahun 2016 kepada RM4,273 pada tahun 2019. Jurang pendapatan antara kawasan bandar dan luar bandar bagi negeri Perak juga telah berkurangan iaitu daripada 1:0.76 pada tahun 2016 kepada 1:XX pada tahun 2019.

3. Bagi mengurangkan jurang pendapatan antara kawasan bandar dan luar bandar di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) khususnya di negeri Perak, Kerajaan melalui Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah melaksanakan pelbagai program pembangunan modal insan dan keusahawanan. Program pembangunan modal insan merupakan pendekatan Kerajaan bagi meningkatkan status sosio-ekonomi kumpulan isi rumah B40 yang menasaskan golongan ibu tunggal, graduan menganggur, belia dan Orang Asli. Di kawasan Sungai Siput secara khususnya, antara inisiatif yang telah dilaksanakan pada tahun 2016 sehingga 2017 adalah program latihan kemahiran dan keusahawanan dalam bidang pertanian moden (fertifisasi) dan bakeri yang memberi manfaat kepada 250 peserta dengan purata peningkatan pendapatan bersih sebanyak RM1,500 sebulan.

4. Bagi menarik pelaburan swasta dari dalam dan luar negara ke kawasan luar bandar di kawasan NCER, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah penyediaan pakej insentif pelaburan. Bagi negeri Perak, daerah Kuala Kangsar yang merangkumi kawasan Sungai Siput telah disenaraikan sebagai antara kawasan insentif khas (*Special Promoted Area*) di bawah Pakej Insentif Cukai NCER (*NCER Tax Incentives Package*). Di bawah pakej ini, syarikat-syarikat pelabur yang layak di bawah kategori taraf perintis boleh mendapat pengecualian cukai sehingga 100 peratus bagi tempoh 15 tahun. Manakala syarikat pelabur lain yang layak, boleh menerima 100 peratus elaun cukai pelaburan sehingga 10 tahun. Insentif sebegini dijangka dapat menarik lebih banyak pelaburan ke kawasan luar bandar dan seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan serta merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar.

Sekian, terima kasih.